



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



PEMBANGUNAN INSAN DAN AI: MENGIMBANGI KEMAJUAN TEKNOLOGI DENGAN PRINSIP KHALIFAH

HUMAN DEVELOPMENT AND AI: BALANCING TECHNOLOGICAL ADVANCEMENT WITH THE PRINCIPLES OF KHALIFAH

Siti Jamiaah Abdul Jalil ^{1*}, Nor Raudah Siren ², Juwairiah Hassan ³

¹ Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, FPI Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, MALAYSIA.
Email: sitijamiaah82@ukm.edu.my

² Jabatan Dakwah & Pembangunan Insan, API Universiti Malaya, Kuala Lumpur, MALAYSIA.
Email: raudah68@um.edu.my

³ Jabatan Dakwah, FPI Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Gambang, MALAYSIA.
Email: juwairiah@unipsas.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.03.2025

Revised date: 17.04.2025

Accepted date: 25.05.2025

Published date: 26.06.2025

To cite this document:

Jalil, S. J. A., Siren, N. R., & Hassan, J. (2025). Pembangunan Insan Dan AI: Mengimbangi Kemajuan Teknologi Dengan Prinsip Khalifah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (40), 520-538.

DOI: 10.35631/IJLGC.1040037

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kemajuan kecerdasan buatan (AI) telah membawa perubahan ketara dalam kehidupan manusia daripada pelbagai aspek termasuklah ekonomi, sosial dan budaya. Apa yang membimbangkan, tanpa kawalan nilai dan etika yang jelas, AI berpotensi menjejaskan keseimbangan kemanusiaan dan pembangunan insan. Dalam Islam, manusia dipertanggungjawab sebagai khalifah untuk membangunkan dan memakmurkan muka bumi ini berlandaskan prinsip yang telah digariskan dalam al-Quran dan hadis. Artikel ini membincangkan bagaimana prinsip khalifah dalam Islam boleh dijadikan asas kepada pembangunan insan dalam era AI dengan mengenal pasti konsep khalifah menurut perspektif Islam dan menilai kesan perkembangan AI terhadap pembangunan insan. Seterusnya, Artikel ini bertujuan untuk mencadangkan satu model etika pembangunan dan penggunaan AI berteraskan prinsip Khalifah dan Maqasid Syariah bagi menjamin pembangunan insan yang lestari. Kemajuan teknologi AI memerlukan panduan nilai dan etika bagi memastikan kesejahteraan manusia dan keseimbangan alam sekitar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kepustakaan terhadap sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan konsep khalifah, pembangunan insan serta isu-isu etika AI dalam konteks kontemporari. Artikel mencadangkan integrasi maqasid syariah dan prinsip khalifah sebagai kerangka etika Islam dalam pembangunan dan penggunaan AI.

Kata Kunci:

Kecerdasan Buatan (AI), Pembangunan Insan, Prinsip Khalifah, Maqasid Syariah, Etika Islam.

Abstract:

The advancement of artificial intelligence (AI) has brought significant changes to human life in various aspects, including the economy, society, and culture. What is concerning is that, without clear value and ethical controls, AI has the potential to disrupt the balance of humanity and human development. In Islam, humans are entrusted as khalifah (vicegerents) to develop and prosper the earth based on principles outlined in the Qur'an and Hadith. This article discusses how the Islamic principle of khalifah can serve as a foundation for human development in the era of artificial intelligence (AI) by identifying the concept of khalifah from an Islamic perspective and evaluating the impact of AI development on human growth. Furthermore, this study proposes a framework for AI development based on khalifah principles. The advancement of AI technology requires guidance grounded in values and ethics to ensure human well-being and environmental balance. This study employs a qualitative approach through library research on primary and secondary sources related to the concept of khalifah, human development, and ethical issues of AI in the contemporary context. The article proposes the integration of maqasid shariah and the khalifah principle as an Islamic ethical framework in the development and use of AI.

Keywords:

Artificial Intelligence (AI), Human Development, Khalifah Principle, Maqasid Shariah, Islamic Ethics.

Pendahuluan

Kemajuan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence- AI*) berupaya meningkatkan kecekapan dalam melaksanakan tugas manusia dalam pelbagai aspek. Namun tanpa kawalan etika yang jelas, penggunaan AI boleh membawa implikasi negatif kepada manusia seperti kehilangan pekerjaan, ketidaksamaan sosial, dan penyalahgunaan teknologi (Harun et al. 2024;). Laporan Masa Depan Pekerjaan 2025 oleh World Economic Forum mendedahkan bahawa 40 peratus daripada majikan menjangkakan untuk mengurangkan tenaga kerja mereka di mana AI boleh mengautomasikan tugas sedia ada (WEF 2025). Center for Global Development pula mendedahkan bahawa wujud jurang yang ketara antara negara berpendapatan tinggi dan negara membangun yang kaya dengan negara yang lebih miskin dalam memanfaatkan teknologi AI. Hal ini berpotensi menjauhkan lagi ketidaksamaan sedia ada (Schellekens & Skilling 2024). Tidak sekadar itu, apa yang membimbangkan terdapat pelbagai bentuk penyalahgunaan AI berlaku ketika ini. Statistik yang dikeluarkan oleh Statista (2024), berdasarkan tinjauan kepada 16,795 orang responden daripada 17 negara mendapati 87 peratus merasa bimbang dengan salah satu senario masalah AI yang berlaku pada ketika ini antaranya ialah AI *scams*, *deepfakes*, penyalahgunaan seksual atas talian, halusinasi AI, data privasi dan lain-lain lagi.

Implikasi negatif AI terhadap manusia menuntut satu sistem etika yang mantap bagi mengawal penggunaannya (Nawi et al. 2023). Menyedari potensi AI yang luas, kerajaan Malaysia telah melancarkan Garis Panduan Kebangsaan mengenai Tadbir Urus dan Etika AI (AIGE) sebagai usaha memastikan pembangunan dan penggunaan AI dilaksanakan secara bertanggungjawab, beretika dan selamat (MOSTI 2024). Walau bagaimanapun, pemerhatian mendapati bahawa AIGE dibangunkan dengan merujuk kepada prinsip etika sejagat seperti yang digariskan oleh OECD, UNESCO dan Suruhanjaya Eropah, tanpa mengambil kira kerangka nilai Islam secara langsung. Sistem etika sedia ada seperti AIGE meskipun membawa nilai universal yang boleh diterima dari perspektif Islam seperti keadilan, akauntabiliti dan kesejahteraan (MOSTI, 2024), namun ia tidak dibina berasaskan prinsip tauhid, Maqasid Syariah, atau konsep ad-din, yang menjadi tunjang dalam kerangka etika Islam.

Dalam Islam, manusia diberikan tanggungjawab sebagai khalifah untuk mengurus dan memakmurkan bumi berdasarkan prinsip yang ditetapkan oleh Allah SWT berdasarkan prinsip wahyu di dalam al-Quran dan hadis. Konsep khalifah menekankan tanggungjawab moral, amanah, keadilan, dan pembangunan yang seimbang antara material dan spiritual. Oleh itu, sesuai dengan konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan, dan dengan majoriti penduduk beragama Islam, wujud keperluan kritikal untuk mengimbangi pembangunan AI dengan prinsip khalifah yang berakar daripada al-Quran. Prinsip khalifah menekankan tanggungjawab manusia sebagai pemakmur bumi yang merangkumi pengguna teknologi secara beretika, dan penjaga kepada nilai kemanusiaan dan alam sekitar.

Malah, MOSTI (2024) dalam Garis Panduan Kebangsaan mengenai Tadbir Urus dan Etika AI turut menekankan bahawa sebagai khalifah di muka bumi, manusia bertanggungjawab terhadap penggunaan sumber yang dianugerahkan oleh Allah dengan penuh etika. Islam menekankan pentingnya kuasa manusia ke atas sistem AI bagi mengelakkan penyalahgunaan dan pelanggaran prinsip etika. Seiring dengan itu juga, kerangka Maqasid Syariah didapati menyediakan prinsip etika normatif untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta dalam semua aspek kehidupan termasuk yang berkaitan dengan teknologi (Harun et al. 2024).

Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti konsep khalifah menurut perspektif Islam dan peranannya dalam pembangunan insan, menganalisis prinsip-prinsip khalifah sebagai kerangka etika dalam pembangunan dan penggunaan teknologi AI, menilai implikasi negatif perkembangan AI terhadap pembangunan insan dalam konteks Islam; dan mencadangkan integrasi antara prinsip khalifah dan kerangka etika Maqasid Syariah sebagai asas pembangunan AI yang seimbang dari segi spiritual dan teknologi.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metode kualitatif berbentuk ulasan naratif dengan kaedah kajian kepustakaan (*library research*). Fokus kajian ini adalah untuk meneroka aspek pembangunan insan dan AI dalam kerangka prinsip khalifah dan etika Islam. Sumber data utama diperoleh daripada sumber primer yang digunakan al-Quran dan hadis yang berkaitan dengan konsep khalifah, pembangunan insan dan prinsip etika Islam. Sumber sekunder pula karya-karya klasik dan kontemporari ulama Islam serta literatur moden seperti jurnal yang berkaitan pembangunan insan, etika AI, dan Maqasid Syariah. Kajian juga merujuk kepada laporan semasa agensi yang berkaitan. Justifikasi pemilihan literatur dilakukan berdasarkan sumber yang relevan dan sesuai

dalam mencapai objektif kajian, serta peranan literatur tersebut dalam menjelaskan perkaitan antara konsep khalifah, etika AI dan pembangunan insan dalam kerangka Islam.

Proses analisis melibatkan pengkodan tema dan pemetaan prinsip-prinsip utama khalifah berdasarkan ayat al-Quran yang berkaitan, yang kemudiannya digunakan untuk menilai kesan serta cabaran penggunaan AI terhadap pembangunan insan. Seterusnya, kerangka Maqasid Syariah digunakan sebagai model normatif bagi menilai aplikasi etika dalam pembangunan teknologi AI.

Kerangka Teori Kajian

Kajian ini berasaskan dua kerangka teori utama dalam wacana Islamisasi ilmu dan pembangunan teknologi beretika, iaitu konsep khalifah dalam Islam dan Maqasid Syariah. Gabungan kedua-dua kerangka ini membentuk asas moral, spiritual dan normatif yang diperlukan dalam menilai pembangunan dan penggunaan AI berdasarkan perspektif Islam. Kerangka teori tersebut ialah konsep khalifah sebagai kerangka tanggungjawab insan dan Maqasid Syariah sebagai kerangka etika teknologi.

Konsep Khalifah sebagai Kerangka Tanggungjawab Insan

Menurut Haron Din (2015) perkataan khalifah bererti penyambung, penghubung dan yang diamanahkan untuk menyampaikan atau mengerjakan sesuatu. Khalifah juga bermaksud pengganti atau gelaran kepada ketua agama dan raja di negara Islam (Kamus Dewan 2005). Daripada sudut istilah, khalifah bukan sekadar pemimpin fizikal tetapi juga penjaga amanah Allah SWT yang perlu mentadbir alam ini termasuk teknologi dan sumber secara bertanggungjawab. Hal ini sesuai dengan kelebihan akal yang manusia miliki melebihi makhluk-makhluk yang lain. Akal yang dimiliki manusia tidak membatasi tempat dan waktu. Manusia dapat mengembara di mana-mana di muka bumi serta keluar meninggalkan bumi. Manusia boleh menyusun perancangan mengikut waktu dan keperluan yang sesuai. Berbeza dengan tumbuhan yang terikat oleh tempat dan haiwan terikat oleh waktu.

Tidak sekadar itu, pengalaman yang dilalui manusia diubah oleh akal menjadi pengetahuan yang menghasilkan tanggapan, konsep dan teori. Akal menuntut jasad seperti tangan dan mata melakukan tindakan penyelidikan dan eksperimen sehingga menemukan ilmu pengetahuan tentang rahsia alam atau sunnah Allah. Melalui pengetahuan daripada sumber akal ini mendorong manusia melakukan ciptaan untuk kemudahan kehidupan. Walaubagaimanapun, tidak semua kemudahan yang dicipta bersumberkan akal itu digunakan untuk manfaat kepada manusia. Terdapat banyak ciptaan manusia itu menyumbang kepada kemudaratan sebagai contoh senjata yang mendorong kepada peperangan, pembangunan yang merosakkan alam sekitar dan nilai akhlak dan budaya. Walaupun, matlamat ciptaan awal untuk kebaikan seperti menjaga keselamatan dan membina ketamadunan, namun, apabila manusia mula berkuasa, pelbagai dorongan yang menghasut mencetuskan persengketaan dan kerosakan terhadap kehidupan manusia (Haron Din 2015). Hal ini turut berlaku dalam konteks ciptaan AI. Ciptaan AI yang bertujuan untuk memberi kemudahan dalam pelbagai aspek kehidupan pada masa kini disalahgunakan sehingga memberi ancaman dan kerosakan kepada manusia.

Firman Allah SWT yang bermaksud: “*Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, kerana Allah hendak merosakkan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).*”

(Surah al-Rum 30:41)

Oleh yang demikian prinsip khalifah Islam boleh menjadi landasan atau dasar kepada etika penggunaan dan pembinaan teknologi AI. Hal ini kerana, menurut Ibn Katsir (2016) berdasarkan ayat 26, surah Sad, Allah SWT menuntut agar khalifah melaksanakan hukum yang benar kepada manusia sebagaimana petunjuk-Nya. Tidak sekadar itu, Allah SWT memberi ancaman kepada Khalifah yang tidak bertindak secara adil dan melakukan kesesatan berat sebelah. Penggunaan sebarang teknologi seperti AI dengan prinsip dan etika yang benar dan adil akan memberi impak baik kepada manusia. Sebaliknya, jika digunakan dengan cara yang tidak beretika maka ia boleh memberi kesan yang buruk dengan izin Allah SWT.

Maqasid Syariah sebagai Kerangka Etika Teknologi

Maqasid Syariah merupakan pendekatan yang memfokuskan kepada pemeliharaan lima objektif utama syariat iaitu *hifz al-din* (memelihara agama), *hifz al-nafs* (memelihara nyawa), *hifz al-'aql* (memelihara akal), *hifz al-nasl* (memelihara keturunan), dan *hifz al-mal* (memelihara harta) (Abdul Ghafar, Ahmad Irdha & Anuar, 2017). Dalam konteks pembangunan AI, Maqasid Syariah menjadi kerangka yang relevan untuk menilai manfaat dan risiko teknologi (Abdulhameed, 2021; Mohadi & Tarshany, 2023). Hal ini kerana, menurut Mohadi & Tarshany (2023) AI menimbulkan cabaran etika yang serius berkaitan dengan privasi, manipulasi, dan pelbagai isu lain yang menyentuh nilai-nilai penting dalam Maqasid al-Shari'ah. Sebagai contoh AI yang digunakan untuk menyebarkan maklumat palsu bertentangan dengan *hifz al-'aql*. Sistem AI yang menjejaskan keseimbangan moral atau institusi kekeluargaan bercanggah dengan *hifz al-nasl*. Aplikasi AI yang melalaikan manusia daripada ibadah pula mengancam *hifz al-din*. Maqasid bukan sahaja menjadi ukuran hasil akhir, tetapi juga prinsip panduan dalam seluruh proses reka bentuk, pembangunan, dan penggunaan teknologi (Habib, 2025). Oleh itu, Maqasid Syariah perlu diintegrasikan dalam kerangka pembangunan insan berteraskan prinsip khalifah dalam pembangunan dan penggunaan AI.

Hasil Kajian

Konsep Khalifah dalam Islam

Konsep khalifah dalam Islam merujuk kepada tugas dan tanggungjawab manusia sebagai pemimpin atau penjaga di bumi mengikut garis panduan Allah SWT. Istilah *khalifah* berasal daripada perkataan Arab (خليفة) yang bermaksud pengganti atau wakil. Dalam konteks Islam, manusia dilantik sebagai khalifah di bumi untuk mentadbir dan memakmurkan dunia dengan keadilan dan kebaikan berdasarkan wahyu Allah SWT. Menurut Haron Din (2015) pengertian khalifah ialah menguasai dan memerintah iaitu menjadi ‘Tuan’ di atas muka bumi ini tanpa menghilangkan status hamba kepada Allah SWT.

Bagi memahami makna dan konsep khalifah dengan lebih tepat, perlu jelas penggunaan istilah ini di dalam al-Quran. Di dalam al-Quran terdapat 9 ayat yang berkaitan dengan istilah khalifah (Rasyad 2022). Dalam ayat-ayat tersebut terdapat perincian bagi mengenali ciri-ciri khalifah. Jadual 1 di bawah merupakan ringkasan analisis ciri-ciri khalifah berdasarkan 9 ayat tersebut.

Jadual 1: Analisis Ayat Al-Quran Berserta Terjemahan yang Berkait Dengan Istilah Khalifah

Ayat Al-Quran	Terjemahan	Analisis Ciri-ciri Khalifah
وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۖ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ (2:30)	"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi." Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan melakukan kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" (Allah) Berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui." (Surah al-Baqarah 2: 30)	• Khalifah adalah pelantikan oleh Allah: Menjadi khalifah adalah ketetapan Ilahi, bukan semata-mata hak manusia. • Amanah dan tanggungjawab besar: Meskipun malaikat meragui, Allah menegaskan ilmu dan hikmah-Nya dalam pemilihan manusia sebagai khalifah. • Memiliki potensi untuk kebaikan dan keburukan: Sifat manusia sebagai khalifah berkemungkinan melakukan kerosakan dan pertumpahan darah. Namun, manusia juga memiliki kemampuan untuk kebaikan.
يَا دَاوُدُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَىٰ فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ الَّذِينَ يَضِلُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ يَوْمَ الْحِسَابِ (38:26)	"Wahai Daud! Sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka hukumlah antara manusia dengan kebenaran dan janganlah engkau mengikuti hawa nafsu kerana ia akan menyesarkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab berat kerana mereka melupakan hari perhitungan." (Surah Sad 38: 26)	• Menegakkan keadilan: Memerintah dengan hak dan kebenaran adalah prinsip utama khalifah. • Menghindari hawa nafsu: Tidak boleh dipandu oleh kepentingan diri kerana ia menyesatkan. • Tanggungjawab terhadap Hari Pengadilan: Kesedaran terhadap pembalasan di hari akhirat.
وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ (6:165)	"Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan darjat sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) untuk mengujimu tentang apa yang diberikanNya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat seksaanNya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang." (Surah al-An'am 6:165)	• Diuji dengan darjat dan nikmat: Kepemimpinan adalah ujian, bukan keistimewaan mutlak. • Kepelbagaian darjat sebagai ujian: Keadilan dalam pengagihan sumber dan tanggungjawab sosial.
ثُمَّ جَعَلْنَاكَ خَلِيفَ فِي الْأَرْضِ مِن بَعْدِهِمْ لِنَنْظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ (10:14)	"Kemudian Kami jadikan kamu pengganti-pengganti di muka bumi sesudah mereka supaya Kami memperhatikan bagaimana kamu beramal." (Surah Yunus 10:14)	• Penilaian terhadap amal: Tugas sebagai khalifah dinilai berdasarkan amalan di bumi. • Menjadi penerus legasi: Manusia menggantikan umat sebelumnya sebagai penguasa.
فَكَذَّبُوهُ فَسَبَّوْهُ وَمَنِ مَعَهُ فِي الْفُلْكِ وَجَعَلْنَاهُمْ خُلَفَاءَ وَأَعْرَفْنَاهُمُ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا فَانْظُرْ كَيْفَ كَانَ عِقَابُ الْمُذْذَرِينَ (10:73)	"Lalu mereka mendustakan Nuh, maka Kami selamatkan dia dan orang-orang yang bersamanya di dalam bahtera dan Kami jadikan mereka itu pemegang kekuasaan dan kami tenggelamkan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami. Maka perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang diberi peringatan itu." (Surah Yunus 10:73)	• Pewaris selepas bencana: Kekhalifahan boleh berpindah kepada golongan yang diselamatkan. • Khalifah yang menolak peringatan Allah SWT membawa kepada kehancuran.

هُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خُلَفَاءَ فِي الْأَرْضِ فَمَنْ
كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهُ وَلَا يَزِيدُ الْكَافِرِينَ كُفْرُهُمْ
عِنْدَ رَبِّهِمْ إِلَّا مَقْتًا وَلَا يَزِيدُ الْكَافِرِينَ كُفْرُهُمْ
عِنْدَ رَبِّهِمْ (35:39)

“Dialah yang menjadikan kamu khalifah-khalifah di muka bumi. Barang siapa yang kafir, maka kekafirannya menimpa dirinya sendiri. Dan kekafiran orang-orang kafir itu tidak lain hanyalah akan menambah kemurkaan pada sisi Tuhannya dan kekafiran orang-orang yang kafir itu tidak lain hanyalah akan menambah kerugian mereka belaka.

(Surah Fathir 35:39)

- **Pertanggungjawaban individu:** Kekufuran menanggung akibat sendiri.
- Kekhalifahan tidak menjamin keselamatan jika kufur.

أَوْعَجِبْتُمْ أَنْ جَاءَكُمْ ذِكْرٌ مِنْ رَبِّكُمْ عَلَى
رَجُلٍ مِنْكُمْ لِيُنذِرَكُمْ وَأَذْكُرُوا إِذْ جَعَلَكُمْ
خُلَفَاءَ مِنْ بَعْدِ قَوْمِ نُوحٍ وَزَادَكُمْ فِي الْخَلْقِ
بَصُطَةً فَادْكُرُوا ءَالَآءَ اللَّهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ
(7:69)

“Apakah kamu (tidak percaya) dan hairan bahawa datang kepadamu peringatan dari Tuhanmu yang dibawa oleh seorang laki-laki di antaramu untuk memberi peringatan kepadamu? Dan ingatlah oleh kamu sekalian di waktu Allah menjadikan kamu sebagai pengganti-pengganti (yang berkuasa) sesudah lenyapnya kaum Nuh, dan Tuhan telah melebihkan kekuatan tubuh dan perawakanmu (daripada kaum Nuh itu). Maka ingatlah nikmat-nikmat Allah supaya kamu mendapat keberuntungan.”

(Surah al-‘Araf 7:69)

- **Fizikal dan kekuatan adalah amanah:** Kekuatan tubuh dan ciptaan yang hebat digunakan untuk menjalankan tanggungjawab, bukan kesombongan.
- **Syukur sebagai asas kejayaan khalifah:** Keperluan mengingati akan nikmat Allah dengan syukur.

وَأَذْكُرُوا إِذْ جَعَلَكُمْ خُلَفَاءَ مِنْ بَعْدِ عَادٍ
وَبُوءَ لَكُمْ فِي الْأَرْضِ تُنْجِدُونَ مِنْ سُوءِهَا
فُصُورًا وَتَنْحِتُونَ الْجِبَالَ بُيُوتًا فَادْكُرُوا
ءَالَآءَ اللَّهِ وَلَا تَعْتَوْا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ
(7:74)

“Dan ingatlah olehmu di waktu Tuhan menjadikan kamu pengganti-pengganti (yang berkuasa) sesudah kaum 'Aad dan memberikan tempat bagimu di bumi. Kamu dirikan istana-istana di tanah-tanahnya yang datar dan kamu pahat gunung-gunungnya untuk dijadikan rumah; maka ingatlah nikmat-nikmat Allah dan janganlah kamu merajalela di muka bumi melakukan kerosakan.”

(Surah al-‘Araf 7:74)

- **Pembina kemajuan teknologi dan pembangunan muka bumi:** Manusia membina dan membangunkan bumi.
- **Larangan melakukan kerosakan:** Kekhalifahan menuntut pembangunan beretika.

أَمَّنْ يُجِيبُ الْمُضْطَرَّ إِذَا دَعَاهُ وَيَكْشِفُ
السُّوءَ وَيَجْعَلُكُمْ خُلَفَاءَ الْأَرْضِ أُولَئِكَ
مَعَ اللَّهِ قَلِيلًا مَا تَذْكُرُونَ (27:62)

“Atau siapakah yang memperkenalkan (doa) orang yang dalam kesulitan apabila ia berdoa kepada-Nya, dan yang menghilangkan kesusahan dan yang menjadikan kamu (manusia) sebagai khalifah di bumi? Apakah di samping Allah ada tuhan (yang lain)? Amat sedikitlah kamu mengingati(Nya).”

(Surah al-Naml 27:62)

- **Kedudukan khalifah adalah dengan keizinan Allah:** Mengingatkan manusia bahawa hanya Allah yang berkuasa menjadikan seseorang khalifah.
- Ketergantungan kepada Allah dalam kesusahan.

Sumber: Hasil Kajian Ini.

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan terdapat 3 perkataan yang berkaitan dengan istilah khalifah iaitu *khalīfah* (خَلِيفَةً), *khalāif* (خَلِيفَ) dan *khulafā'* (خُلَفَاءَ) yang disebut di dalam al-Quran. Berdasarkan konteks ayat, istilah *khalīfah* (خَلِيفَةً) merujuk kepada amanah yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia untuk memakmurkan bumi. Istilah *khalāif* (خَلِيفَ) pula merujuk pewaris generasi bagi melaksanakan tugas khalifah. Seterusnya, bagi istilah *khulafā'* (خُلَفَاءَ) pula bermaksud pengganti atau sebagai umat baru selepas umat terdahulu.

Hasil analisis ciri-ciri khalifah berdasarkan ayat-ayat di atas menunjukkan bahawa khalifah merupakan amanah yang diberikan oleh Allah SWT sesuai dengan kemampuan yang manusia miliki yang dianugerahkan oleh Allah SWT. Fizikal dan kemampuan yang dimiliki manusia menjadi asas kepada pelaksanaan tanggungjawab terhadap pembinaan kemajuan teknologi, tadbir urus dan pembangunan di muka bumi. Dalam melaksanakan tugas khalifah, manusia tidak terlepas dengan ujian kecenderungan sama ada kepada kebaikan atau keburukan, ujian dengan darjat kekuasaan dan nikmat kekayaan, serta ujian kesyukuran atau kekufuran. Walau bagaimanapun, Allah SWT memberi garis panduan kepada manusia untuk melaksanakan amanah sebagai khalifah berdasarkan prinsip-prinsip Islam yang telah digariskan. Dalam Jadual 2 di bawah disenaraikan prinsip-prinsip tersebut berserta penjelasan dan rujukan ayat.

Jadual 2: Prinsip-prinsip Khalifah Dan Penjelasan Dalil

Bil	Prinsip Khalifah	Penjelasan
1	Pelantikan daripada Allah dan amanah suci	Dilantik oleh Allah sebagai pemegang amanah di bumi. (Surah al-Baqarah 2:30)
2	Menegakkan keadilan dan kebenaran	Menghukum dan memimpin berlandaskan keadilan. (Surah Sad 38:26)
3	Tidak tunduk kepada hawa nafsu	Menjaga diri daripada dorongan nafsu yang menyesatkan. (Surah Sad 38:26)
4	Ujian dalam darjat dan nikmat	Kekuasaan adalah ujian terhadap amal manusia. (Surah al-An'am 6:165)
5	Dinilai berdasarkan amal dan integriti	Penilaian berdasarkan amal selepas menerima kekuasaan. (Surah Yunus 10:14)
6	Menolak kekufuran kerana takwa	Kufur membawa kepada kemurkaan Allah. (Surah Fathir 35:39)
7	Bersyukur dan menjaga nikmat Allah	Menghargai kekuatan dan kemajuan serta tidak sombong. (Surah al-A'raf 7:69)
8	Membangun tanpa melakukan kerosakan	Membangunkan bumi secara beretika dan bertanggungjawab. (Surah al-A'raf 7:74)
9	Bergantung dan berdoa hanya kepada Allah	Sentiasa bergantung kepada Allah dalam semua urusan. (Surah al-Naml 27:62)


Oleh itu, walau apa pun era yang manusia lalui seperti era kemodenan, era digital, era siber dan sekarang ini era AI, prinsip-prinsip khalifah menjadi garis panduan untuk manusia melaksanakan tanggungjawab dan cabaran bagi mengelakkan keburukan dan kerosakan berlaku dalam kehidupan bermasyarakat dan mengekalkan kelestarian muka bumi ini.

Pembangunan Insan Bermatlamat Membentuk Khalifah

Pembangunan Insan mempunyai dua pandangan iaitu sama ada pembangunan bermatlamat material atau bermatlamat material dan spiritual (Kamarul Azmi 2016). Namun begitu, pembangunan insan daripada perspektif Islam menekankan pembangunan rohani insan yang menjadi asas sebenar kepada kemajuan dan kesempurnaan manusia. Menurut al-Attas (1977) di dalam Islam pembangunan insan tidak sempurna jika hanya dibangunkan dan diukur berdasarkan kebendaan atau material sahaja. Beliau menegaskan bahawa pembangunan yang tidak merujuk kepada rohani adalah bersifat haiwani yang tidak sah menurut perspektif Islam. Penekanan terhadap pembangunan rohani dalam Islam tidaklah sehingga menolak secara langsung aspek pembangunan material. Malah, pembangunan insan dalam Islam mesti merangkumi aspek rohani dan material secara seimbang. Namun begitu aspek kerohanian mestilah menjadi asas kepada pembangunan material.

Perkara ini selari dengan pandangan al-Ghazali (2010) yang menekankan bahawa aspek yang perlu diutamakan terhadap pembangunan insan ialah kerohanian dan akhlak. Hal ini kerana kerohanian dan akhlak yang baik dalam diri seseorang individu boleh mendorong diri untuk melaksanakan matlamat material dengan baik. Selain daripada itu, pembangunan insan dalam Islam mestilah berdasarkan al-Quran dan hadis serta ijtihad dan qias. Hal ini berbeza dengan pendekatan Barat yang lebih menumpukan kepada rasional dan keperluan fizikal manusia sahaja (Kamarul Azmi 2016).

Berdasarkan pandangan di atas, wujud keselarian matlamat pembangunan insan yang kuat dengan prinsip khalifah. Pembangunan insan bukan sahaja sekadar meningkatkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat tetapi pembangunan insan itu perlu diterjemahkan kepada pembentukan kualiti akhlak dan perbuatan yang dapat memberi kesan yang baik kepada manusia dan muka bumi ini. Oleh itu, 9 prinsip khalifah yang diperolehi melalui analisis ayat-ayat al-Quran dalam Jadual 2 boleh menjadi teras kepada pembangunan insan seorang khalifah. Di bawah adalah ilustrasi gambar rajah pembangunan insan berteraskan prinsip khalifah secara ringkas.



Gambar Rajah 1: Pembangunan Insan berteraskan Prinsip Khalifah

Sumber: Hasil kajian ini.

Cabaran Pembangunan Insan Kesan Perkembangan AI

Manfaat dan sumbangan AI kepada manusia tidak dapat dinafikan. AI memberi sumbangan yang besar dalam pelbagai aspek kehidupan manusia seperti pendidikan, ekonomi, perubatan, kesenian, keselamatan dan banyak lagi. Walau bagaimanapun, secara lumrahnya, setiap apa di dunia ini semestinya memberi manfaat kepada manusia jika diletakkan dan digunakan dengan niat dan cara yang betul. Sebaliknya, setiap sesuatu itu akan memberi kesan buruk jika digunakan dengan cara yang salah. Begitu juga dengan penciptaan AI yang boleh dimanfaatkan bagi memudahkan kerja manusia, namun kemudahan ini juga boleh memberi kesan buruk kepada manusia (Alif, 2019). Melalui analisis terhadap literatur lepas, kajian ini dapat mengenal pasti kesan negatif penggunaan AI kepada manusia yang berkaitan dengan pembangunan insan.

Jadual 3: Analisis Literatur Tentang Kesan Negatif Penggunaan AI yang Berkait Dengan Pembangunan Insan.

Bil	Nama Penulis, Tahun, Penerbitan.	Tajuk	Kesan Negatif Penggunaan AI
1	Zhang, S., Zhao, X., Zhou, T. et al. 2024 <i>International Journal Education Technology Higher Education</i> 21: 34	Do You Have AI Dependency? The Roles of Academic Self-Efficacy, Academic Stress, and Performance Expectations on Problematic AI Usage Behavior.	
2	Didik Himmawan, Mohamad Wildan Soferino, Rindi Ariyani, & Kahfiah Rasiyani Eka Jayati. 2024. <i>Diplomasi: Jurnal Demokrasi, Pemerintahan Dan Pemberdayaan Masyarakat</i> , 2(4): 155–164.	The Phenomenon of Artificial Intelligence (AI) Dependence in an Islamic Perspective on Adolescents.	Kebergantungan manusia terhadap AI
3	Li, S. 2025. <i>Digital Society & Virtual Governance</i> 1(1): 72-88.	The Social Hams og AI-Generated Fake News: Addressing Deepfake and AI Political Manipulation.	
4	A Sabri, F. A. 2024. <i>e-JOMS - e-Journal of Media and Society</i> 7 (2): 71-88.	Narrative Review on Detonation of AI-Generated Deep Fakes and Misinformation: A Threat to Politicians in Malaysia.	Ancaman fitnah
5	Alif Nawi. 2019. <i>Asian Journal of Civilization Studies</i> 1 (4): 24-33.	Penerokaan Awal Terhadap Isu dan Impak Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan Terhadap Kehidupan Manusia.	
6	Kurian, N. 2023. <i>Contemporary Issues in Early Childhood</i> 26(1), 132-139.	AI's Empathy Gap: The Risks of Conversational Artificial Intelligence for Young Children's Well-Being and Key Ethical Considerations for Early Childhood Education and Care.	Semakin kurang mengamal adab dan empati
7	Yankouskaya, A., Liebherr, M. & Ali, R. 2025. <i>Human-Centric Intelligent Systems</i> 5: 77–89.	Can Chatgpt Be Addictive? A Call to Examine the Shift from Support to Dependence in AI Conversational Large Language Models.	Ketagihan dan kemampuan memberi perhatian yang singkat.
8	Naseer, A., Ahmad, N. R., & Chishti, M. A. 2025. <i>Review of Applied</i>	Psychological Impacts of AI Dependence: Assessing the	

Management and Social Sciences, 8(1), 291-307. Cognitive and Emotional Costs of Intelligent Systems in Daily Life.

9	Zhu, Z.. 2024. <i>AI & Society</i>	Poverty and Freedom: Philosophical Reflection on The Future Development of Artificial Intelligence.	Terlalu bangga dengan kehebatan teknologi
10	Chamorro-Premuzic, T. 2023. <i>Leader to Leader</i> 11: 75-79.	The Power of Leadership Humility in The AI Era.	

Sumber: Hasil Kajian Ini

Berdasarkan analisis literatur yang dilakukan, terdapat banyak kajian literatur berkaitan ancaman atau impak negatif terhadap pergantungan dan penyalahgunaan AI. Melalui Jadual 3 di atas, kajian ini dapat mengenal pasti 5 kesan negatif utama penggunaan AI yang memberi cabaran kepada pembangunan insan. Antara bentuk cabaran kepada pembangunan insan manusia iaitu:

Kehilangan Makna Kehambaan Kepada Allah

Penggunaan AI yang meluas dan bergantung penuh kepada teknologi (Zhang, et al. 2024; Didik Himmawan, et al. 2024) berisiko mengalihkan tumpuan manusia daripada peranan sebagai hamba Allah kepada menjadi hamba teknologi. Apabila manusia terlalu bergantung kepada AI untuk membuat keputusan, menganalisis maklumat dan mencari solusi kehidupan, mereka berpotensi mengabaikan peranan doa, tawakal, dan usaha. Mereka juga lebih mudah menganggap teknologi sebagai sumber mutlak penyelesaian, bukan Allah. Selain itu, boleh melemahkan kesedaran bahawa Allah Maha Mengetahui dan bukan ciptaan manusia. Natiujahnya, insan hilang orientasi tauhid dan tidak lagi bergantung kepada Allah dalam menjalani kehidupan.

Firman Allah SWT:

Bermaksud: *"Dan kepada Allah jualah hendaknya kamu bertawakal, jika kamu benar-benar orang yang beriman."*

(Surah al-Ma'idah, 5:23)

Fitnah Akhir Zaman

Teknologi seperti internet, media visual dan AI merupakan alat utama fitnah yang mampu membentuk realiti palsu dan menyesatkan masyarakat secara halus. Hal ini telah dinyatakan oleh al-Attas (1980) di mana beliau menegaskan bahawa kemajuan teknologi yang tidak berasaskan kepada panduan wahyu al-Quran dan hadis boleh menyebabkan kekeliruan dalam cara manusia memahami, menilai, dan memperoleh ilmu (epistemologi), serta melemahkan proses pendidikan yang membentuk adab dan akhlak (ta'dib). Apa yang membimbangkan pada akhir zaman manusia banyak melakukan fitnah dan penipuan. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan jika kamu menuruti kebanyakan orang di muka bumi ini, nescaya mereka akan menyesatkanmu daripada jalan Allah. Mereka tidak lain hanyalah mengikuti sangkaan, dan mereka tidak lain hanyalah berdusta.”

(Surah al-An’am 6:16)

Kelemahan Pengamalan Adab dan Akhlak

Kecanggihan AI dan media sosial telah mewujudkan budaya komunikasi baharu yang pantas namun sering kali mengabaikan nilai adab dan kesopanan sehingga hilang empati kepada orang lain. Kajian Meerangani et al. (2022) menjelaskan bahawa Islam melarang dengan tegas interaksi yang boleh menjatuhkan maruah orang lain. Meliputi kata-kata yang boleh merosakkan reputasi, menyebarkan keburukan, penghinaan dan menyebarkan maklumat palsu. Antara dalil al-Quran yang menegaskan perkara ini ialah seperti berikut. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengolok-olokkan kaum yang lain, kerana boleh jadi mereka yang diperolok-olokkan lebih baik dari mereka yang mengolok-olok, dan jangan pula perempuan-perempuan mengolok-olokkan perempuan lain, kerana boleh jadi perempuan yang diperolok-olokkan lebih baik dari perempuan yang memperolok-olokkan. Janganlah kamu saling mencela antara satu sama lain, dan janganlah saling memanggil dengan gelar-gelar yang buruk. Seburuk-buruk panggilan adalah panggilan yang buruk (fasik) setelah beriman. Dan barangsiapa yang tidak bertaubat, mereka itulah orang-orang yang zalim.”

(Surah al-Hujurat, 49: 11).

Gangguan Tumpuan Ibadah

Ketagihan terhadap teknologi AI seperti media sosial, permainan pintar, dan sistem hiburan AI boleh mengganggu konsentrasi dalam ibadah. Contohnya, solat terganggu dengan bunyi atau notifikasi telefon pintar. Tazkirah dan kuliah agama dikesampingkan kerana lebih tertarik dengan hiburan yang diatur oleh algoritma AI. Zikir dan tadabbur semakin berkurangan kerana manusia lebih leka kepada ‘kandungan disyorkan’ oleh AI. Secara tidak sedar, AI telah menenggelamkan ketenangan jiwa yang diperlukan untuk khusyuk dan kekhusyukan dalam ibadah.

Firman Allah SWT:

"Celakalah orang yang lalai dalam solatnya."

(Surah Al-Ma’un, 107:4-5)

Bahaya Kesombongan Teknologi (Istidraj)

Kehebatan boleh menjerumuskan manusia ke dalam rasa takbur dan lupa diri, menyangka mereka lebih bijak daripada pencipta (Allah SWT). Wan Mohd Nor (1991) memperkenalkan konsep istidraj teknologi, iaitu kemajuan luaran yang menyebabkan manusia semakin lalai daripada nilai Rabbani dan tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT. Oleh itu, kejayaan luar biasa dalam teknologi AI boleh menjadikan manusia sombong dan angkuh, menyangka mereka sudah mampu ‘menandingi’ kebijaksanaan Allah SWT. Mereka tidak lagi memerlukan panduan wahyu kerana beranggapan akal dan teknologi cukup untuk mentadbir dunia. Hal ini boleh membawa kepada istidraj – iaitu keadaan di mana Allah memberikan kemajuan dan kejayaan yang besar kepada seseorang atau sesebuah bangsa, tetapi tanpa keberkatan, lalu mereka semakin jauh dari Allah dan akhirnya menerima azab-Nya. Firman Allah SWT:

Bermaksud “*Kami biarkan mereka dalam kelalaian dan kesombongan mereka merayau-rayau.*”

(Surah al-A’raf, 7:146)

Kesimpulannya, penggunaan AI tanpa panduan wahyu dan adab Islamik boleh menjadi pedang bermata dua. Ia mampu membantu pembangunan insan secara material, tetapi dalam masa yang sama juga berpotensi melemahkan rohani, menghakis adab serta akhlak, mengaburkan kebenaran, dan membina kesombongan yang menyesatkan. Oleh itu, penyelesaian kepada masalah ini ialah memastikan pembangunan teknologi berlaku seiring dengan pembangunan kerohanian dan nilai Rabbani agar insan tidak terjerumus ke dalam jurang futuristik tanpa arah.

Perbincangan

Integrasi Tanggungjawab Khalifah Dengan Kerangka Etika Maqasid Syariah

Gabungan antara konsep khalifah dan kerangka Maqasid Syariah menawarkan satu pendekatan etika yang menyeluruh bagi menangani cabaran pembangunan teknologi AI dalam dunia moden. Dalam Islam, manusia dilantik sebagai khalifah bukan hanya sebagai pemimpin fizikal, tetapi sebagai pemegang amanah Ilahi yang bertanggungjawab dalam memastikan segala bentuk pembangunan berlaku selaras dengan prinsip kebenaran, keadilan, dan kesejahteraan sejagat (Haron Din, 2015; Ibn Kathir, 2016). Ini termasuklah dalam ruang lingkup pembangunan teknologi, di mana manusia harus menjadi penjaga arah, tujuan dan impak aplikasi teknologi yang dibangunkan.

Integrasi ini membolehkan pembangunan AI tidak bersifat sekular atau utilitarian semata-mata, sebaliknya tunduk kepada nilai Rabbani dan memastikan keseimbangan antara kemajuan material dan kesejahteraan spiritual. Melalui prinsip khalifah, manusia dipandu untuk menggunakan teknologi sebagai alat memperkukuh nilai kemanusiaan, bukan meruntuhkannya. Sementara itu, kerangka Maqasid Syariah menjadi panduan normatif dalam menilai sesuatu aplikasi teknologi agar ia tidak mengancam lima prinsip utama syariat: pemeliharaan agama (hifz al-din), nyawa (hifz al-nafs), akal (hifz al-‘aql), keturunan (hifz al-nasl) dan harta (hifz al-mal) (Abdul Ghafar Don et al., 2017; Mohadi & Tarshany, 2023).

Sebagai contoh, teknologi AI yang melibatkan pemprosesan data sensitif mesti memastikan perlindungan terhadap privasi (hifz al-nafs), pengelakan penyebaran maklumat palsu (hifz al-‘aql) serta tidak menjejaskan institusi kekeluargaan (hifz al-nasl). Aplikasi yang mengabaikan prinsip ini berpotensi menjejaskan pembangunan insan secara menyeluruh, malah bertentangan dengan matlamat syariah. Oleh itu, prinsip khalifah memperkukuh dimensi amanah dan tanggungjawab manusia terhadap AI, manakala maqasid menilai impak AI dalam dimensi kemaslahatan dan kerosakan.

Integrasi dua kerangka ini membentuk satu sistem etika Islam yang proaktif, bukan hanya bertindak balas terhadap isu etika setelah berlaku kerosakan, tetapi bertindak secara awal sebagai penapis nilai (value filter) dalam proses pembangunan teknologi. Ini memberikan asas yang kukuh untuk merangka dasar dan garis panduan pembangunan AI yang lebih lestari, beretika dan inklusif, sesuai dengan realiti Malaysia sebagai negara yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan (MOSTI, 2024).

Dengan itu, pembangunan AI dalam kerangka Islam tidak sekadar bertujuan mempercepat inovasi, tetapi menegakkan keadilan, kemuliaan insan dan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi. Ia menandakan langkah penting ke arah membina ekosistem teknologi yang menghormati nilai kemanusiaan dan memelihara kelestarian peradaban sejagat.

Pembangunan Insan Melalui Penggunaan dan Pembangunan AI Berteraskan Prinsip Khalifah dan Maqasid Syariah

Berdasarkan literatur di atas, bagi memastikan pembangunan dan penggunaan AI sejajar dengan nilai Islam, maka syariah Islam dan prinsip khalifah perlu seiring. Hal ini bagi memastikan agar kelestarian pembangunan insan dalam masyarakat terus terpelihara melalui pendekatan yang menyeimbangkan kemajuan teknologi dengan tanggungjawab etika dan spiritual. Integrasi ini juga penting bagi mengelakkan penyalahgunaan teknologi yang boleh menghakis nilai kemanusiaan, merosakkan adab serta melemahkan hubungan hamba dengan Tuhannya. Justeru, menurut Mohadi & Tarshany (2023) penggunaan AI mestilah dipandu oleh maqasid syariah dan nilai-nilai tauhid agar peranannya sebagai alat bantu insan tidak bertukar menjadi punca kerosakan akidah, sosial dan moral dalam masyarakat.

Penggunaan AI Berteraskan Prinsip Khalifah.

AI sebagai amanah Ilahi -Penggunaan AI adalah amanah yang diberikan oleh Allah kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi. Prinsip ini menuntut penggunaan AI bertujuan baik, bukan untuk manipulasi, eksploitasi atau penindasan. Setiap pengguna AI (individu, organisasi, kerajaan) bertanggungjawab terhadap kesan penggunaan AI terhadap masyarakat dan alam sekitar. Menyedari bahawa AI hanyalah alat ciptaan manusia dan tidak boleh mengatasi kedudukan Allah sebagai al-Khaliq (Pencipta).

Menegakkan keadilan dan mengelak penyalahgunaan - Seorang khalifah dituntut untuk menghukum dengan adil dan tidak tunduk kepada hawa nafsu. Ini bermaksud AI tidak boleh digunakan untuk menyebarkan kandungan berat sebelah, diskriminasi data, atau memperkukuh ketidaksetaraan sosial. Contohnya, penggunaan AI dalam sistem keadilan, pengambilan pekerja atau bantuan sosial mesti telus dan berasaskan nilai keadilan Islam.

Elakkan keburukan dan kerosakan (fasad) - Berdasarkan firman Allah dalam Surah al-A'raf (7:74), mafhumnya, Allah melarang manusia melakukan kerosakan di bumi. Maka penggunaan AI mesti mengelakkan fitnah akhir zaman, seperti penyebaran maklumat palsu, gangguan identiti digital dan kerosakan moral masyarakat. AI mesti dimanfaatkan secara beretika, berperaturan dan bertanggungjawab, bukan sebagai alat kerosakan budaya, akhlak atau pemikiran.

Menjaga Keseimbangan Spiritual dan Akhlak - Prinsip khalifah menuntut peningkatan amal, integriti dan akhlak, bukan sekadar kemajuan teknologi. AI tidak boleh mengurangkan tumpuan beribadah, menjadi punca ketagihan maklumat atau melalaikan pengguna daripada mengingati Allah. Pengguna AI perlu sentiasa memelihara adab digital, seperti adab berinteraksi, menyebarkan maklumat dan berkomunikasi secara berhemah.

Bersyukur dan tawaduk bagi mengelak kesombongan kehebatan teknologi (Istidraj) - Sebagai khalifah, manusia perlu bersyukur atas nikmat kemajuan, bukan menjadi angkuh. Penggunaan AI perlu dilakukan dengan kesedaran bahawa teknologi ialah ujian, bukan kejayaan mutlak. Kesombongan terhadap keupayaan AI tanpa menyandarkan kepada Allah boleh membawa

kepada *istidraj* iaitu kemajuan zahir tetapi keruntuhan batin. Dalam Jadual 4 diringkaskan Etika Penggunaan AI berdasarkan Prinsip Khalifah

Jadual 4: Etika Penggunaan AI berdasarkan Prinsip Khalifah

Prinsip Khalifah	Etika Penggunaan AI
Amanah	Gunakan AI untuk manfaat, bukan mudarat
Keadilan	Pastikan sistem AI adil dan tidak bias
Elak fasad	Hindari penyalahgunaan AI (fitnah, kerosakan sosial)
Ibadah & akhlak	Gunakan AI dengan adab; jangan lalai dari ibadah
Syukur & tawaduk	Rendah hati, tidak taasub atau sombong dengan teknologi

Sumber: Hasil Kajian Ini

Integrasi prinsip khalifah dalam penggunaan AI bermakna setiap manusia bertanggungjawab moral dan spiritual dalam memanfaatkan teknologi secara beretika dan berlandaskan nilai Islam. AI bukan sekadar alat kemajuan, tetapi juga ujian kekhalifahan manusia untuk menilai siapa yang benar-benar menjaga amanah ilmu, kuasa dan teknologi dengan penuh takwa dan kesedaran kepada Allah SWT.

Pembangunan AI berasaskan Maqasid Syariah

Teras kepada pembangunan teknologi dalam Islam hendaklah berdasarkan Maqasid Syariah. Maqasid Syariah atau objektif syariah menekankan lima prinsip utama yang boleh menjadi garis panduan dalam pembangunan AI:

Pemeliharaan agama (hifz al-din) – AI tidak boleh dibangunkan untuk tujuan yang bertentangan dengan akidah dan ajaran Islam. Sebarang aplikasi AI yang menyebarkan fahaman sesat, memperolok atau mempersenda hukum agama, atau mengganggu amalan keagamaan seperti solat atau puasa, hendaklah ditolak dan dikawal ketat. AI juga tidak boleh menggantikan fungsi-fungsi ibadah yang bersifat rohaniah dan pengabdian seperti khutbah, fatwa, atau keputusan syarak yang memerlukan ilmu, hikmah, dan keilmuan ulama.

Pemeliharaan nyawa (hifz al-nafs) – Teknologi AI dalam perubatan harus digunakan untuk menyelamatkan nyawa dan meningkatkan kualiti hidup. Sebarang aplikasi AI mestilah bertujuan melindungi dan menyelamatkan nyawa, seperti sistem diagnosis kesihatan pintar, alat bantuan pembedahan dan sistem kecemasan automatik. Manakala, AI yang digunakan untuk senjata atau aplikasi ketenteraan mesti dikawal dengan prinsip keadilan dan tidak menzalimi. Penggunaan yang boleh membunuh, mencederakan, atau mencero boh privasi manusia secara zalim adalah bercanggah dengan prinsip Maqasid Syariah.


Pemeliharaan akal (hifz al-aql) – Berdasarkan prinsip ini, pembangunan AI tidak boleh disalahgunakan untuk menyebarkan maklumat palsu atau memanipulasi pemikiran manusia. AI juga tidak boleh digunakan untuk merosakkan pemikiran dan mentaliti manusia. Ini termasuk menyebarkan maklumat palsu, teori konspirasi, atau berita berunsur fitnah. Hal ini juga termasuk, memanipulasi algoritma media sosial untuk mengawal pandangan umum ke arah kebencian, perpecahan atau kekeliruan. Seharusnya, aplikasi AI membantu membina pemikiran kritis, ilmu bermanfaat, dan memperkukuh keupayaan intelektual umat.

Pemeliharaan keturunan (hifz al-nasl) – Prinsip ini menekan agar pembangunan AI menjamin kesejahteraan sosial dan moral masyarakat dijaga. Antara dengan membangunkan teknologi AI seperti sistem pendidikan pintar dan aplikasi kekeluargaan bagi tujuan memperkukuhkan institusi keluarga. Aplikasi melalui teknologi realiti maya, robot sosial, atau media interaktif yang mendorong kepada pergaulan bebas, pornografi digital, atau hubungan luar batas norma Islam adalah bercanggah dengan prinsip ini.

Pemeliharaan harta (hifz al-mal) – Pembangunan AI perlulah membantu mengurus sumber dan ekonomi secara lebih efisien dan adil seperti zakat, wakaf, dan takaful. Termasuk pemantauan penipuan kewangan, ketirisan dan pengurusan sumber negara. Namun, ia juga perlu dijauhkan daripada eksploitasi kapitalis, seperti manipulasi pasaran, pengambilan data pengguna tanpa izin, atau penggunaan AI untuk tujuan penipuan dan kecurian siber.

Pembangunan AI berasaskan Maqasid Syariah akan memastikan bahawa teknologi ini menjadi alat bantu pembangunan insan dan masyarakat, bukan sebagai punca kerosakan rohani dan sosial. Maqasid Syariah menyediakan kerangka etika yang menyeluruh dan sesuai digunakan sebagai asas dasar, polisi dan panduan praktikal dalam memastikan kemajuan teknologi tidak melanggar batas kemanusiaan dan keimanan.

Ringkasnya, perkaitan prinsip khalifah, Maqasid Syariah dan pembangunan insan digambarkan secara mudah dalam gambar rajah 2 di bawah. Input penggunaan AI berteraskan prinsip khalifah dan pembangunan mengikut etika Maqasid Syariah menghasilkan pembangunan insan yang seimbang dari sudut spiritual dan material dan memiliki adab serta etika bagi memastikan kelestarian teknologi yang harmoni.



Gambar Rajah 2: Model Etika AI berteraskan Prinsip Khalifah dan Maqasid Syariah terhadap Pembangunan Insan

Sumber: Hasil kajian ini.

Implikasi Kajian

Implikasi kajian ini mencadangkan bahawa pembangunan dan penggunaan AI di negara ini sebaiknya dipandu oleh prinsip khalifah dan berteraskan Maqasid Syariah. Oleh itu, penggubal dasar teknologi dan pendidikan perlu menyusun polisi AI yang berteraskan nilai Islamik bagi menjamin keadilan, keselamatan dan etika penggunaan AI dalam masyarakat. Kajian ini menegaskan keperluan untuk mengimbangi pembangunan material dan spiritual, khususnya dalam konteks penggunaan AI dalam pendidikan. Oleh itu, Institusi pendidikan boleh menggunakan hasil kajian ini untuk membentuk kurikulum pendidikan AI yang mengintegrasikan nilai akhlak, kerohanian dan prinsip khalifah.

Antara cadangan pelaksanaan yang boleh dipertimbangkan ialah pembangunan Rangka Dasar AI berasaskan Prinsip Khalifah dan Maqasid Syariah dengan menubuhkan satu Majlis Etika AI Islam Kebangsaan di bawah agensi berkaitan seperti MOSTI, JAKIM dan MAMPU bagi menggubal rangka dasar pembangunan AI berteraskan prinsip khalifah dan Maqasid Syariah. Aspek pendidikan perlu mengintegrasikan nilai Islam dalam polisi pendidikan teknologi dengan memasukkan komponen etika AI Islamik dan prinsip khalifah dalam kurikulum pendidikan tinggi dan latihan teknikal berkaitan AI dan teknologi maklumat.

Selain daripada itu, melaksanakan piawaian etika AI dalam sektor awam dan swasta dengan menyediakan garis panduan pelaksanaan AI beretika Islamik untuk digunakan oleh agensi kerajaan, syarikat swasta, pembangun teknologi dan penyedia data sebaiknya diusahakan. Di samping membina kesedaran awam melalui pelancaran kempen kesedaran nasional mengenai peranan prinsip khalifah dan etika Islam dalam penggunaan AI melalui media, seminar dan bengkel.

Kesimpulan

Konsep khalifah menawarkan satu kerangka kerja yang holistik dalam menangani cabaran teknologi moden. Melalui pembangunan berpanduan Maqasid Syariah dan penggunaan berteraskan prinsip etika Islam, AI boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan kualiti hidup tanpa mengabaikan nilai kemanusiaan dan keadilan sosial. Oleh itu, adalah penting bagi para ilmuwan Islam, ahli teknologi, dan pembuat dasar untuk bekerjasama dalam membentuk satu ekosistem AI yang seimbang dan bertanggungjawab. Rentetan daripada kajian ini, satu kajian akan datang yang sesuai ialah meneroka pembangunan kurikulum etika AI berasaskan prinsip khalifah dan Maqasid Syariah untuk diaplikasikan dalam pendidikan tinggi dan latihan teknikal di Malaysia. Kajian ini boleh merangkumi pembangunan modul pengajaran, penilaian keberkesanan pembelajaran nilai Rabbani dalam bidang teknologi, serta kajian empirikal terhadap tahap kefahaman dan pengamalan nilai etika Islam dalam kalangan pelajar dan penggiat teknologi. Penyelidikan ini akan memperkukuh ekosistem AI yang seimbang antara kemajuan teknologi dan pembangunan insan secara holistik, sekali gus menyokong dasar negara ke arah teknologi beretika dan berpaksikan spiritual.

Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Universiti Islam Sultan Ahmad Shah di atas dana penyelidikan RUG-UnIPSAS-2022-03.

Rujukan

- A Sabri, F. A. (2024). Narrative review on detonation of AI-generated deep fakes and misinformation: a threat to politicians in Malaysia *e-JOMS - e-Journal of Media and Society*, 7 (2), 71-88.
- Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha Mokhtar & Anuar Puteh. 2017. Pendekatan Dakwah Berteraskan Maqasid Syariah dalam membangunkan kesejahteraan masyarakat. Dlm, Abdul Ghafar Don & Ahmad Irdha Mokhtar (Ed.) *Dakwah Dalam Pelbagai Dimensi*.
- Abdulhameed, N. M. (2021). Ethical Dimension of Maqasid al-Shari'ah and its Implication to Human Capital Development. 4 (1), 20–31. <https://doi.org/10.26555/IJISH.V4I1.2621>
- al-Attas, S. M. N. (1977). *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: ABIM.
- al-Attas, S. M. N. (1980). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.
- al-Ghazali, Abi Hamid. (2010). *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, ketua taḥqīq & takhrij al-Shikh As'ad al-Ṣāgharji. Dimashq: Dar al-Faiha'.

- Alif Nawi. (2019). Penerokaan awal terhadap isu dan impak penggunaan teknologi kecerdasan buatan terhadap kehidupan manusia. *Asian Journal of Civilization Studies*, 1 (4), 24-33.
- Chamorro-Premuzic, T. (2024). The power of leadership humility in the ai era. *Leader to Leader*, 11, 75-79. <https://doi.org/10.1002/ltl.20777>
- Didik Himmawan, Mohamad Wildan Soferino, Rindi Ariyani, & Kahfiah Rasiyani Eka Jayati. (2024). The phenomenon of Artificial Intelligence (AI) dependence in an Islamic perspective on adolescents. *Diplomasi: Jurnal Demokrasi, Pemerintahan Dan Pemberdayaan Masyarakat*, 2(4), 155–164.
- Habib, Zainal. 2025. Etika Kepintaran Buatan dalam Perspektif Maqāṣid Al-Sharīa. *KARSA Journal of Social and Islamic Culture* 33 (1), 105-34. <https://doi.org/10.19105/karsa.v33i1.19617>.
- Haron Din. (2015). *Manusia dan Islam*. Selangor: PTS Publishing House.
- Harun, M., Fathimah, E., & Daulay, W. I. H. (2024). Challenges and Threats of Artificial Intelligence in Maqasid Sharia Perspective. *KnE Social Sciences* 9 (3) 470-483. <https://doi.org/10.18502/kss.v9i2.15004>
- Ibn Katsir. 2016. *Tafsir Ibnu Katsir*, Jilid 8. Terj. M. Abdul Ghoffar E. M. & Abu Ihsan al-Atsari. Lubab al-Tafsir min Ibni Katsir. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). Pembangunan Insan daripada Perspektif Islam. In, Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam.
- Kamus Dewan*, Edisi Keempat (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kurian, N. (2023). AI's empathy gap: The risks of conversational Artificial Intelligence for young children's well-being and key ethical considerations for early childhood education and care. *Contemporary Issues in Early Childhood*, 26(1), 132-139.
- Li, S. (2025). The social harms of AI-generated fake news: Addressing deepfake and AI political manipulation. *Digital Society & Virtual Governance*, 1(1), 72-88.
- Meerangani, K. A. ., Abdul Hamid, M. F., Ibrahim, A. F., Mat Johar, M. H., & Badhrulhisham, A. . (2022). Gejala Al-Sukhriyyah Dalam Media Sosial: Analisis Menurut Perspektif Islam: Al-Sukhriyyah in Social Media: An Islamic Perspective . *Sains Insani*, 49–55. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.volno.446>
- Mohadi, M., & Tarshany, Y. (2023). Maqasid Al-Shari'ah and the Ethics of Artificial Intelligence: Contemporary Challenges. *Journal of Contemporary Maqasid Studies*, 2(2), 79–102.
- Mohadi, M., & Tarshany, Y. (2023). Maqasid Al-Shari'ah and the Ethics of Artificial Intelligence. *Journal of Contemporary Maqasid Studies* 2 (2), 79-102. <https://doi.org/10.52100/jcms.v2i2.107>
- MOSTI. (2024). *The National Guidelines on AI Governance & Ethics*. Putrajaya: Minister of Science, Technology and Innovaton.
- Naseer, A., Ahmad, N. R., & Chishti, M. A. 2025. Psychological impacts of AI dependence: Assessing the cognitive and emotional costs of intelligent systems in daily life. *Review of Applied Management and Social Sciences* 8(1): 291-307.
- Nawi, A., Khamis, N. Y., Yaakob, M. F. M., Samuri, M. A. A., & Zakaria, G. A. N. (2023). Exploring Opportunities and Risks of Artificial Intelligence Research for Islamic Ethical Guidelines. *Afkar*, 25(2), 1–34. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol25no2.1>
- Rasyad. (2022). Konsep khalifah dalam al-Quran. *Jurnal Ilmiah al-Mu'ashirah*, 19 (1), 20-31.
- Schellekens, P. & Skilling, D. (2024). Three Reasons Why AI May Widen Global Inequality. Center for Global Development. Dicapai pada 2/5/2025.

- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1991). *Budaya Ilmu: Satu Penjelasan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- World Economic Forum (WEF). (2025). *Future of Jobs Report 2025*. Switzerland. World Economic Forum. <https://www.weforum.org/publications/the-future-of-jobs-report-2025/>
- Yankouskaya, A., Liebherr, M. & Ali, R. (2025). Can Chatgpt be addictive? A call to examine the shift from support to dependence in AI Conversational Large Language Models. *Human-Centric Intelligent Systems* 5: 77–89.
- Zandt, F. (2024). Why Are the Biggest Perceived Danger of AI. Statista. Dicapai pada 2/5/2025. <https://www.statista.com/chart/32112/most-problematic-ai-scenarios/>
- Zhang, S., Zhao, X., Zhou, T. et al. (2024). Do you have AI dependency? The roles of academic self-efficacy, academic stress, and performance expectations on problematic AI usage behavior. *International Journal Education Technology Higher Education*, 21, no. 34.
- Zhu, Z. (2024). Poverty and freedom: Philosophical reflection on the future development of artificial intelligence. *AI & Society*, <http://dx.doi.org/10.1007/s00146-024-02073-0>.